

# KUASA WALI MUJBIR: SATU PERBINCANGAN

Raihanah Hj. Azahari

## *Abstract*

*Wali (guardianship) is a condition in solemnizing a marriage and the appointment of a wali is based on the conditions agreed by the fuqaha. The current discussion attempts to elaborate the authority of wali mujbir and the agreement of the bride for the marriage to be performed as well as to answer the question of whether the authority of wali mujbir applies only to the brides of junior age. References are made to the nas and opinion of the fuqaha.*

## **Pendahuluan**

Dalam urusan perkahwinan, wali merupakan elemen terpenting. Ia merupakan rukun yang menentukan kesahihan sesebuah perkahwinan. Tanpa wali, perkahwinan itu akan dianggap batal. Kenyataan ini diperjelaskan lagi melalui sabda Rasulullah (s. 'a.w.) yang bermaksud "tiada pernikahan kecuali dengan wali".

Keperluan kepada wali dalam perkahwinan terutamanya bagi seseorang wanita adalah suatu yang tidak dinafikan memandangkan kepada bentuk urusan yang akan melibatkan keseluruhan kehidupannya. Wanita semestinya memerlukan pandangan dan restu dari orang yang telah dan pernah terlibat dengan kehidupan untuk memberi pandangan dan bimbingan dalam urusan perkahwinan.

Walau bagaimanapun penentuan wali bergantung kepada kelayakan-kelayakan yang ditetapkan oleh Syarak. Begitu juga seseorang yang berhak mewalikan sesuatu perkahwinan mestilah dengan sebab-sebab seperti mempunyai hubungan nasab dengan orang yang di bawah kuasa perwaliannya. Sekiranya wali yang layak terlalu ramai Syarak juga menetapkan perlulah mengikut susunan keutamaan dengan mendahulukan wali yang paling berhak antara mereka.

Dengan susunan wali tersebut terdapat wali-wali yang diberi hak keistimewaan ke atas perempuan-perempuan yang berada di bawah kuasa perwaliannya. Hak tersebut membolehkan wali melaksanakan akad nikah tanpa perlu mendapat keizinan wanita tersebut terlebih dahulu.

## **Definisi Wali**

Wali secara umumnya bermaksud sebagai orang yang diberikan kuasa oleh Syarak bagi melaksanakan akad perkahwinan seseorang perempuan samada wali tersebut wali mujbir atau wali bukan mujbir.<sup>1</sup>

## **Hukum Wali dalam Perkahwinan**

Fuqaha dari mazhab Maliki, Syafi'i dan Hanbali bersependapat bahawa wali adalah syarat mutlak sesuatu perkahwinan. Perkahwinan yang dilaksanakan tanpa wali dengan sendirinya akan terbatal. Wanita tidak mempunyai kuasa untuk mengahwinkan dirinya sendiri atau diri orang lain.<sup>2</sup>

Pendapat ini disandarkan kepada beberapa sumber hukum Islam antara firman Allah dalam surah *al-Baqarah* ayat 232 yang bermaksud:

*"Apabila kamu menceraikan perempuan, kemudian telah habis iddahnya, maka janganlah kamu larang perempuan itu kembali kepada bekas suaminya, jika mereka itu suka secara makruf."*

Ayat di atas jelas ditujukan kepada wali dan kerana itu secara langsung memberi tegahan kepada para wali agar tidak melarang anaknya yang telah dicerai untuk kembali rujuk kepada suaminya. Ini menunjukkan bahawa wali berperanan dalam urusan perkahwinan seseorang yang di bawah tanggungannya.

Dalam satu kenyataan dari Rasulullah (s. 'a.w) jelas menunjukkan wali adalah unsur penting dalam perkahwinan. Sabda Baginda yang bermaksud:

*"Mana-mana perempuan yang berkahwin tanpa izin walinya maka nikah tersebut batal (Nabi (s. 'a.w) telah mengulangi sebanyak tiga kali tentang pembatalan nikah tanpa wali)."*<sup>3</sup>

Dan dalam kenyataan lain Rasulullah (s. 'a.w) menafikan kesahihan nikah yang dilakukan tanpa wali dengan sabdanya yang bermaksud:

*"Tidak ada perkahwinan kecuali dengan wali."*<sup>4</sup>

Kedua-dua hadis di atas dengan jelas menunjukkan kepentingan wali dalam perkahwinan dan setiap perkahwinan yang dilakukan tanpa keizinan wali adalah terbatal dengan sendirinya.

Dari dalil-dalil yang dikemukakan di atas jelas menunjukkan wali adalah suatu keperluan dalam perkahwinan, tanpanya perkahwinan tidak mungkin diiktiraf sebagai sah.

## Syarat-syarat Wali

Untuk meletakkan seseorang sebagai layak bagi menjadi wali beberapa syarat telah digariskan antaranya:

Wali mestilah seorang yang berkelayakan untuk melakukan akad iaitu dia hendaklah seorang yang berakal dan baligh. Sehubungan itu, tidak sabit atas kanak-kanak walaupun ia telah mencapai umur *tamyiz* (waras) begitu juga orang yang gila dan bodoh atau cacat minda.

Persamaan agama<sup>5</sup> antara wali dengan orang yang hendak diwalikan juga merupakan satu kemestian. Dalam soal ini Allah berfirman dalam surah *al-Nisa'* ayat 141 yang bermaksud:

“... dan Allah sekali-kali tidak akan memberi jalan kepada orang-orang kafir untuk memusnahkan orang-orang yang beriman.”

Ini bermakna seorang yang muslimah mestilah diwalikan oleh walinya yang muslim juga, dan sebaliknya seorang *kitabiyah* berhak diwalikan oleh walinya yang kitabi.

Wali juga mestilah seorang lelaki, wanita tidak boleh mewalikan perkahwinan. Meskipun begitu al-Imam Abu Hanifah menafikan syarat ini dengan memberikan hak kepada wanita untuk mewalikan orang lain.<sup>6</sup>

Seterusnya wali hendaklah seorang yang adil iaitu seorang yang *istiqamah* dalam menunaikan perintah Allah dan tidak melakukan dosa-dosa besar di samping tidak berterusan melakukan dosa-dosa kecil. Kesimpulannya seseorang yang adil adalah muslim yang sah dan tidak fasik. Keadilan seseorang wali perlu dinilai berasaskan kepada pandangan zahir sahaja tanpa memerlukan penelitian yang agak mendalam. Secara umumnya seseorang yang tidak dipertikaikan oleh orang ramai tentang keperibadian dan keagamaannya iaitu dengan diistilahkan sebagai *masturul-hal* boleh dianggap sebagai adil.<sup>7</sup>

Al-Imam al-Ghazali juga mengesahkan pernikahan yang dilakukan oleh wali yang fasid atas alasan kesukaran dalam menentukan identiti seseorang yang adil melihat kepada keadaan dan suasana yang ada sekarang. Pandangan ini disokong oleh kebanyakan fuqaha mutakhir dari kalangan mazhab Syafi'i.<sup>8</sup>

Kesimpulannya, menafikan syarat adil dalam menentukan kelayakan seorang wali adalah suatu yang logik kerana melihat kepada suasana di mana masyarakat banyak terdedah kepada perkara-perkara yang fasid dan terlalu sukar untuk mengklasifikasikan identiti seseorang. Wali juga mestilah seorang yang berfikiran matang dan waras dalam urusan iaitu yang disebut *rasyid*. Ini bermakna seorang yang *safih* atau cacat minda tidak berhak menjadi wali.

## Keizinan Wali dan Persetujuan Perempuan

Wali dalam perkahwinan boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu wali *mujbir* dan wali bukan *mujbir*. Wali *mujbir* ialah wali yang mempunyai kuasa yang mengahwinkan perempuan yang berada di bawah kuasa perwaliannya tanpa perlu mendapat keizinan

darinya. Manakala wali bukan *mujbir* atau wali *ikhtiar* ialah wali yang hanya berhak mengahwinkan perempuan yang di bawah kuasa perwaliannya setelah mendapat keizinan dari perempuan tersebut. Tanpa persetujuan wali perkahwinan tersebut tidak mungkin boleh dilakukan.<sup>9</sup>

Imam Ahmad Ibn Hanbali<sup>10</sup> menyatakan seseorang wanita yang masih dara samada sudah mencapai umur baligh atau belum yang dikahwinkan oleh walinya yang *mujbir* walaupun tanpa keizinan dan kerelaan dari wanita tersebut perkahwinan itu tetap sah. Wali hanya digalakkan atau sunat memohon keizinan anak gadis itu dalam perkahwinan. Menurut pandangan mereka meskipun wali diberikan hak untuk melaksanakan perkahwinan tanpa keizinan gadis itu, hak tersebut bukanlah diberikan secara mutlak dan boleh digunakan sewenang-wenangnya, kerana ia dibatasi oleh syarat-syarat yang tertentu. Antaranya perempuan tersebut dikahwinkan dengan lelaki yang sekufu dengannya; lelaki tersebut mestilah seorang yang mampu membayar mahar dan tidak ada permusuhan di antara perempuan yang akan dikahwinkan itu dengan calon suaminya.

Namun al-Imam al-Hanafi<sup>11</sup> berpendapat wali *mujbir* hanya mempunyai kuasa *ijbar* atas gadis yang masih kecil dan belum baligh. Manakala wanita yang masih gadis tetapi telah mencapai umur baligh tidak berhak dikahwinkan tanpa terlebih dahulu mendapat keizinan darinya. Manakala bagi anak gadis yang masih belum baligh meskipun ia boleh dikahwinkan tanpa keizинannya, dia berhak melakukan pilihan di bawah prinsip *khiyar* apabila telah mencapai umur baligh iaitu dengan memilih samada untuk meneruskan perkahwinan tersebut atau memfasakhkannya.

Antara sebab yang dijadikan '*illat*' oleh golongan pertama bagi meletakkan kuasa *ijbar* atas perempuan yang masih dara ialah anak dara tidak mengetahui tentang objektif perkahwinan serta tidak berpengalaman dalam hal-hal tersebut.<sup>12</sup>

Al-Imam Abu Hanifah pula menjadikan sebab ketidakmampuan anak gadis yang belum baligh menguruskan diri sendiri dan tidak dapat menghasilkan kemaslahatan dari akad yang dilakukan tersebut sebagai *illat* bagi meletakkan kuasa *ijbar* atas mereka.<sup>13</sup>

Fuqaha dari kalangan pertama menjadikan Hadis Rasulullah (s. 'a.w) yang bermaksud:

*"Janda tidak akan dikahwinkan sehingga keizинannya diperolehi, dan anak dara tidak dikahwini tanpa diminta keizинannya."*

Sebagai sandaran kepada hujah mereka. Perintah Rasulullah (s. 'a.w) dalam hadis tersebut yang meminta para wali supaya meminta keizinan dari gadis, ditanggapi sebagai suruhan yang berbentuk sunat sahaja dan bukannya sebagai satu kemestian. Manakala al-Imam Abu Hanifah yang juga berpegang kepada hadis yang sama berpendapat suruhan tersebut dalam bentuk wajib atau kemestian bagi gadis yang telah mencapai umur baligh dan tidak bagi gadis yang masih di bawah umur baligh.

## **Analisis**

Secara umumnya meneliti kepada perbincangan di atas beberapa perkara yang perlu dilihat secara teliti iaitu pandangan kedua-dua golongan fuqaha terhadap penetapan kuasa *ijbar* tentang perempuan yang masih dara dan belum baligh dan juga pandangan

jumhur fuqaha selain dari Hanafi tentang penetapan kuasa *ijbar* terhadap perempuan yang masih gadis meskipun telah mencapai umur baligh juga alasan-alasan yang dikemukakan bagi menyokong pandangan tersebut.

Perkara pertama yang perlu dilihat ialah pandangan jumhur fuqaha yang mensabitkan kuasa *ijbar* atas perempuan yang belum baligh. Persoalannya, di manakah kewajaran berlakunya perkahwinan paksa terhadap gadis yang masih di bawah umur baligh. Fuqaha sendiri memberikan alasan bahawa penetapan kuasa *ijbar* itu dibuat kerana mereka tidak mampu untuk menguruskan diri mereka sendiri dan tidak dapat menghasilkan kemaslahatan dari akad yang dilakukan, dan pada masa yang sama perkahwinan itu mempunyai matlamatnya yang tersendiri. Antaranya ialah untuk menyalurkan naluri kemanusiaan secara yang disyariatkan di samping perkahwinan itu sendiri menuntut kewajipan yang bukan sedikit mesti ditunaikan selepas termeterainya akad antara keduanya.

Persoalan, mampukah isteri yang belum mencapai umur sembilan tahun (umur minima *baligh*) memenuhi kesemua tuntutan ini? Apakah manfaatnya fuqaha meletakkan kuasa *ijbar* dalam kes-kes sebegini dan di waktu yang sama mengakui bahawa mereka tidak dapat menghasilkan kemaslahatan dari akad yang dilakukan? Tidakkah berlaku pertentangan antara dua keadaan yang begitu kontra iaitu keharusan melakukan paksaan dan kemaslahatan yang tidak dapat dinikmati? Dan apakah ini tidak menganiaya pihak-pihak yang terlibat samada gadis yang belum baligh atau lelaki yang bakal mengahwininya?

Keduanya alasan yang dikemukakan oleh jumhur Maliki, Syafi'i dan Hanbali bagi meletakkan kuasa *ijbar* atas perempuan yang masih dara samada dia sudah baligh atau belum ialah kerana si gadis tidak berpengetahuan atau berpengalaman tentang aspek-aspek perkahwinan dan matlamatnya.

Kemungkinan untuk meletakkan alasan ini kepada gadis yang belum mencapai umur baligh dan dewasa adalah suatu kewajaran memandangkan kepada tahap umur gadis tersebut. Rasionalnya, mampukah gadis yang umurnya kurang dari sembilan tahun (umur minima baligh bagi seorang gadis) itu tahu tentang perkahwinan dan adakah suatu yang munasabah apabila alasan ini digunakan atas perempuan yang masih dara dan telah baligh serta mencapai umur dewasa? Apakah dalam suasana serba lengkap samada dari segi teknologi maklumat yang serba canggih di mana pengetahuan dan maklumat boleh diperolehi dengan berbagai cara dan tahap pengetahuan manusia yang semakin meningkat dan maju, di mana seorang gadis yang telah dewasa tidak mengetahui tentang apa itu perkahwinan, matlamat dan tujuannya dan dia dinafikan haknya untuk mengemukakan pandangan terhadap sesuatu yang menyentuh kehidupan masa depannya?

Memadaiakah keizinan gadis itu dijadikan satu tuntutan yang berbentuk *sunat* dan *mubah* sahaja dan bukan merupakan satu keperluan atau kewajipan yang tidak dapat tidak mesti diperolehi dalam sesuatu perkahwinan?

Kemungkinan hukum kuasa *ijbar* ini sesuai untuk seorang gadis yang telah dewasa, dipakai pada masa dahulu adalah suatu yang wajar, memandangkan suasana dan masa di mana kenyataan atau hukum ini dibuat dengan keadaan-keadaan yang terhad. Apakah tidak mungkin berlakunya perubahan hukum hasil daripada perubahan zaman?

Di samping itu Hadis yang menerangkan tentang kewajipan bapa untuk meminta izin dari anak gadisnya juga merupakan satu kenyataan yang boleh menyokong kedudukan hukum di atas. Kenyataan bahawa adalah menjadi suatu suruhan yang *sunat* sahaja bagi bapa untuk meminta keizinan daripada gadis mungkin tidak sesua lagi untuk diterima

pakai dalam dalam suasana sekarang, meskipun tidak dinafikan terdapat bentuk-bentuk perkahwinan paksa yang bahagia dan kekal, namun tidak kurang juga kenyataan yang menunjukkan banyaknya keruntuhan rumah tangga yang berlaku hasil dari ketidakserasian dan kerelaan pasangan terhadap pasangannya, cuma mungkin ianya tidak dibuktikan dengan menguasai kaedah statistik. Malah Rasulullah (s. 'a.w) sendiri tidak menyukai perkahwinan secara paksa kerana pernah diriwayatkan apabila seorang gadis telah datang mengadu bahawa bapanya telah mengahwinkannya dengan orang yang tidak disukainya (tanpa kemahuannya) maka Rasulullah (s. 'a.w) memberi hak kepada gadis tersebut untuk menolak perkahwinan itu.

Begitu juga soal pengakuan persetujuan daripada gadis, di mana diamnya gadis tersebut boleh dianggap sebagai persetujuan terhadap perkahwinan yang dicadangkan itu. Dalam hal ini Syam al-Din al-Miqdasi dalam kitabnya *al-Furuq* menyatakan bahawa persetujuan dan kerelaan seorang perempuan untuk berkahwin adalah tidak memadai dengan diamnya sahaja bahkan hendaklah dengan percakapan yang nyata (*mithaqan ghalizan*) antara suami isteri bukannya di antara bapa dan pengantin lelaki. Perkahwinan bukanlah suatu ikatan sementara, tetapi ia adalah ikatan yang dibuat untuk seumur hidup. Jadi, ia tidak boleh dilakukan tanpa adanya kerelaan secara bebas dari kedua-dua belah pihak. Untuk membiarkan gejala perkahwinan paksa ini berleluasa pada masa sekarang adalah suatu yang kurang wajar. Ibu bapa sendiri seharusnya menyedari hakikat sebenar konsep perkahwinan yang disyariatkan itu.

## **Kesimpulan**

Kuasa *ijbar* yang ada pada wali *mujbir* perlu dilihat dari dimensi yang berbeza dari pandangan fuqaha yang terdahulu. Keberangkalan untuk mengekalkan kuasa ini mungkin berlaku pada kes-kes yang memerlukan kuasa ini dipertahankan seperti perkahwinan antara gadis dengan seorang lelaki yang benar-benar diyakini kesalihannya dan kemampuannya dalam menguruskan urusan rumah tangga. Namun keizinan dari gadis tersebut bukanlah faktor yang boleh diperkecilkan, kerana dialah yang akan menanggung risiko dari perkahwinan tersebut. Atas alasan ini, kemungkinan untuk mengekalkan peruntukan wali *mujbir* dalam undang-undang perkahwinan Islam perlu dinilai kembali supaya ia tidak menjadi penyumbang kepada masalah-masalah yang lain seperti kahwin lari, kahwin sindiket dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, terdapat peruntukan yang memberikan hak kepada gadis yang dikahwinkan tanpa kerelaannya untuk memohon fasakh bagi perkahwinan secara *ijbar* yang tidak memenuhi syarat-syaratnya (mengikut pandangan jumah selain ulama Hanafi), juga hak untuk *khiyar* (mengikut pandangan ulama Hanafi).

## NOTA KAKI

1. 'Abd al-Rahman al-Jaziri (1969), *al-Fiqh 'ala al-Madhahib al-Arba'ah*, Juz 4, Beirut, Lubnan, Dar al-Turath al-'Arabi, h. 12.
2. Abu al-Hasan al-Mawardi (t.t.), *al-Hawi*, Juz. 2, Dar al-Kutb, h. 17; Abu Hamid al-Ghazali (t.t.), *al-Wajiz*, Juz. 2, Maktabah al-Adab wa al-Muaiyyid bi al-Misr.
3. Abu 'Abdullah al-Qazwini, *Sunan Ibn Majah*, Juz. 1, Matba'ah Isa al-Babi al-Halabi, h. 650; Abu Daud al-Sajistani, *Sunan Abu Daud*, Juz.1, Maktabah wa Matba'ah Mustafa al-Halabi, h. 481.
4. Ibn Majah, *op.cit.*; Abu Daud, *op.cit.*; Abu Isa Ibn Surah al-Halabi, *Sunan al-Tarmidhi*, Juz. 3, Maktabah wa Matba'ah Mustafa al-Halabi, h. 398.
5. Muhammad Abu Zahrah, *Muhadarat fi 'Aqd al-Ziwaj wa Atharuh*, Dar al-Fikr al-Arabi, h. 152.
6. Ibn al-Qasim al-Ghazzi, *Syarh al-'Allamah Ibn al-Qasim al-Ghazzi 'Ala Matn al-Syeikh Abi Shuja'*, Juz. 2, Dar al-Fikr Li al-Nasyr wa al-Tawzie', h. 101; 'Ala' al-Din al-Kasani, *Bada'i' al-Sana'i'*, Juz 3, al-Nasyir Ali Yusuf-Misr, h. 1364.
7. Abu Ishaq al-Syirazi, *al-Muhadhdhab*, Juz. 2, Dar Ihya' al-Kutb al-Arabiyah, h. 36; al-Kasani, *op.cit.*, Juz. 3, hl. 1349; Ibn Qudamah, *al-Mughni*, Juz. 6, Maktabah al-Jumhuriyah al-Arabiah bi Misr, h. 466.
8. Al-Sayyid Sabiq (1985), *Fiqh al-Sunnah*, Cet. 7, Juz. 2, Beirut, Dar al-Arabi, h. 125.
9. Muhammad Abu Zahrah, *op.cit.*, h. 150-154, Zaki al-Din Sya'ban (1989), *al-Ahkam al-Syar'iah li al-Ahwal al-Syaksiyah*, Cet. 5, Mansyurat Jami'ah Qaryunus, Banghazi, h. 211.
10. 'Abd al-Rahman Taj, *Ahkam al-Syari'ah al-Islamiah fi al-Ahwal al-Syaksiyah*, Matabi' Dar al-Kitab bi Misr, h. 90; Mustafa al-Khin, Mustafa al-Bugha, Ali al-Syarbiji, *Fiqh al-Manhaji 'Ala Madhhab al-Imam al-Syafi'i*, Juz. 4, Cet. 1, Matba'ah al-Sabah, Damsyik, h. 66.
11. Al-Kasani, *op.cit.*, h. 136.
12. Muhammad 'Uqbah (1989), *Nizam al-Usrah fi al-Islam*, Juz. 1, Maktabah al-Risalah al-Hadithah, Amman al-Urdun, h. 356.
13. *Ibid.*
14. Al-Tarmidhi, *op.cit.*, Juz. 3, h. 406 (Hadis Hasan Sahih); Mustafa al-Khin, Mustafa al-Bugha, Ali Syarbaji, *op.cit.*, h. 67; Al-Kasani, *op.cit.*, h. 1360.